

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

Kerjasama Penyelidikan Ke Arah Memenuhi Tuntutan Maqasid Syariah dalam Teknologi Pembayaran di Malaysia

NURUUL HIDAYAH MANSOR

PENSYARAH AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI, UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

MOHD SOLLEHUDIN SHUIB

PENSYARAH KANAN PUSAT PENGAJIAN PERNIAGAAN ISLAM, UUM

Pembudayaan dan amalan kerjasama menerusi kajian penyelidikan dalam kalangan ahli akademik membolehkan kepakaran ahli akademik di institusi pengajian tinggi masing-masing dapat dimanfaatkan menerusi pertukaran idea, amalan pengurusan terbaik penyelidikan dan perkongsian wacana intelektual.

Kaedah pembayaran secara elektronik yang pantas merupakan satu peralihan dari kaedah konvensional kepada digital dan kini dilihat semakin luas penerimaannya dalam kalangan masyarakat. Penerimaan ini sejajar dengan pertumbuhan ekonomi digital dunia dan memberi impak kepada pertumbuhan sistem kewangan negara serta menjadikan masa depan pembayaran mudah alih di negara ini semakin berpotensi untuk terus maju ke hadapan. Masyarakat kini dilihat telah beralih ke satu fasa urusan berteraskan teknologi yang lebih mudah dan selesa.

Namun seiring dengan pertumbuhan ekonomi digital yang semakin pesat, prinsip dan etika Islam dalam pelaksanaan seluruh sistem dan pengurusan kewangan juga harus diberikan perhatian agar sistem kewangan ekonomi negara selari dengan prinsip Islam dan memenuhi tuntutan maqasid syariah. Menerusi Projek penyelidikan dengan geran padanan yang dipohon menerusi geran tajaan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), kerjasama penyelidikan diantara pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini berlangsung dalam tempoh (2) tahun bermula tahun 2021 dan berakhir pada tahun 2023 memberi impak kepada memperkasa kajian dalam bidang tersebut.

Ahli akademik yang terlibat dengan penyelidikan ini adalah daripada kalangan pensyarah dalam pelbagai bidang kepakaran termasuk bidang kewangan, perakaunan dan ekonomi Islam.



Dr Mohd Sollehudin Bin Shuib
Pusat Pengajian Perniagaan Islam
Universiti Utara Malaysia (UUM)



Dr. Mohamad Naimi Mohamad
Pusat Pengajian Perakaunan (TISSA)
Universiti Utara Malaysia (UUM)



Dr. Mohd Adib Abd Muin
Pusat Pengajian Perniagaan Islam
Universiti Utara Malaysia (UUM)



Dr Suhaimi bin Ishak
Pusat Pengajian Perakaunan (TISSA)
Universiti Utara Malaysia (UUM)



DR. Mohammad Taqiuddin Bin Mohamad
Jabatan Syariah dan Ekonomi
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM)



Nuruul Hidayah Binti Mansor
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Urus niaga pembayaran secara atas talian digunakan begitu meluas hari ini yang mana kemudahan transaksi ini ditawarkan sama ada oleh institusi perbankan atau pengendali bukan bank. Pembayaran dalam transaksi jual beli merupakan rukun penting dalam urus niaga muamalat. Semua komponen dan elemen dalam pembayaran mestilah memenuhi syarat seperti sumber yang halal, transit di tempat yang halal dan jelas jumlah harga.

Terdapat beberapa isu membabitkan pengurusan akaun, caj dan ganjaran serta isu keselamatan yang menjadi pembahasan kontemporari dalam transaksi pembayaran atas talian kerana dilihat kebarangkalian terdedah dengan isu ketidakpatuhan syariah dan prinsip muamalat masih wujud. Menerusi hasil penyelidikan, sistem ini perlu diteliti dengan lebih mendalam dan dipantau oleh pengawas syariah supaya aplikasi teknologi ini dapat terus berkembang dengan parameter syariah yang lebih dinamik dan holistik.

FORUM
TEKNOLOGI PEMBAYARAN (PAYTECH)

DR. MOHD SOLLEHUDIN
sollehudin@uum.edu.my
Paytech dan Muamalat

DR. MOHAMAD NAIMI
naimi@uum.edu.my
Teknologi Pembayaran dan Risiko

DR. MOHD ADIB
mohdadib@uum.edu.my
Isu dan Cabaran Paytech

DR. MOHAMMAD TAQUIDDIN
m.taquiddin@uum.edu.my
Paytech

PN. NURUUL HIDAYAH
nuruul8413@uitm.edu.my
Pengenalan Paytech

DR. SUHAIMI
suhaimiishak@uum.edu.my
Paytech dan Kawalan Dalaman

ISNIN 22 OGOS 2022 24 MHRM. 1444H 9:30AM - 11:00AM

QR CODES for social media and registration.

E-SIJIL DISEDIAKAN

Logos of UUM and other institutions.